



Perkhidmatan Internet Starlink akan bermula di IPT, sekolah - Fahmi

Julai 20, 2023 @ 3:08pm

KUALA LUMPUR: Syarikat penyedia perkhidmatan Internet, Starlink sudah menerima Lesen Pemberi Kemudahan dan Perkhidmatan Rangkaian, dan akan memulakan perkhidmatan di institusi pengajian tinggi (IPT) serta sekolah terlebih dahulu.

Menyertai Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil, berkata perkara itu dilaksanakan sebagaimana diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, minggu lalu.

"Saya telah menyerahkan Lesen Pemberi Kemudahan dan Perkhidmatan Rangkaian kepada wakil Starlink, baru-baru ini.

"Ia sekali gus membenarkan syarikat itu menyediakan perkhidmatan Internet satelit di Malaysia, terutama di kawasan pedalaman," kata Fahmi melalui catatan dalam Facebook beliau, hari ini.

Pada 15 Julai lalu, Perdana Menteri berkata, kerajaan bercadang menggunakan 40 peranti satelit Starlink di IPT untuk menaik taraf kemudahan capaian Internet agar lebih luas serta pantas di kampus bagi memudahkan proses pembelajaran.

Anwar dilaporkan berkata, perkara itu tercetus hasil persidangan video secara maya dengan Ketua Pegawai Eksekutif SpaceX, Elon Musk, baru-baru ini.

Dalam pada itu, Fahmi berkata, kerajaan bersedia untuk bekerjasama dengan penyedia perkhidmatan Internet satelit, termasuk Starlink, ke arah mencapai 100 peratus akses Internet di kawasan berpenduduk.

Beliau memaklumkan ketika ini, sebanyak 97 peratus kawasan berpenduduk di Malaysia mempunyai akses Internet, manakala baki tiga peratus adalah disebabkan isu geografi lokasi seperti kawasan pedalaman atau pulau terpencil yang menjadi cabaran kepada pembinaan rangkaian. – BERNAMA